

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI  
[ BATANG SADONG ]**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 4**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Sarawak telah mencapai sasaran 90% guru kelahiran Sarawak dan jika tidak, berapa jumlah permohonan guru untuk kembali ke Sarawak yang masih di dalam proses.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data pada 5 September 2019 menunjukkan bahawa pengisian keperluan guru di negeri Sarawak adalah seramai tiga puluh lapan ribu dua ratus lapan puluh sembilan (38,289) orang. Manakala bilangan guru kelahiran negeri Sarawak yang mengisi keperluan tersebut adalah seramai tiga puluh empat ribu dua ratus sembilan puluh dua (34,292) orang atau 90 peratus dan telah mencapai sasaran Pelaksanaan Dasar 90:10. Pihak Kementerian telah mencapai sasaran lebih awal daripada tahun 2021 dan kita komited untuk melaksanakan Dasar pengisian jawatan guru oleh anak Sarawak ini.

Bagi pertanyaan tentang jumlah permohonan guru untuk kembali ke Sarawak, permohonan pertukaran guru ke negeri Sarawak yang akan dipertimbangkan bagi sesi pertukaran Januari 2020 adalah seramai 55 orang bagi sekolah menengah dan seramai 333 orang bagi sekolah rendah. Sekian, terima kasih.